

22/11/1997

Firma Kanada diajak sertai projek MSC

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempelawa firma Kanada supaya menyertai Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dianggap sebagai keadaan sama-sama menguntungkan bagi Malaysia dan firma asing menyertai projek raksasa itu.

Perdana Menteri berkata, Kanada yang berada di barisan hadapan dalam Teknologi Maklumat (IT) terutamanya dalam gentian optik boleh memindahkan teknologi kepada Malaysia yang berminat membangunkan teknologi tempatan baru.

Kepakaran dalam gentian optik ini membolehkan Kanada membekalkan kabel dasar laut pertama dari Eropah ke Newfoundland.

"Rangkaian gentian optik dengan keupayaan menghantar 2.5 hingga 10 gigabit seminit akan menjadi tulang belakang bagi MSC," katanya dalam ucapan beliau pada Persidangan Pelabur Kanada di Ottawa.

Ucapannya disampaikan oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Teks ucapan itu dikeluarkan, di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mahu menjadi sebahagian daripada industri global membangunkan penyelesaian multimedia pintar bagi menguruskan pelbagai pilihan maklumat yang meledak hari ini.

Katanya, MSC menjanjikan janji niaga yang baik bagi semua kerana fasa kedua projek MSC akan menyaksikan ia dihubungkan dengan bandar raya lain di Malaysia dan seluruh dunia.

"Ketika itu, kami menjangka lebih 250 syarikat dalam MSC dan menjelang tahun 2020, seluruh negara akan menjadi Koridor Raya Multimedia dengan sejumlah sekurang-kurangnya 12 bandar raya pintar dihubungkan kepada lebuhraya maklumat global," katanya.

Dengan itu, ia menjadi hubungan global kepada semua bandar raya pintar lain di planet Bumi ini dan peserta MSC akan meningkat kepada 500 perusahaan bertaraf dunia, katanya.

Dr Mahathir berkata, prasarana perkakasan sedang dibangunkan berasaskan laluan cepat, tetapi prasarana perisian adalah satu bidang yang akan memerlukan inovasi terbesar.

Sebagai insentif selanjutnya bagi firma yang mahu melabur dalam MSC, Dr Mahathir berkata, syarikat Taraf MSC boleh berurusan terus dengan beliau selaku Pengerusi Majlis Pelaksanaan MSC dan Panel Penasihat Antarabangsa atau timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sementara MSC mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada Hollywood, Silicon Valley, United Kingdom, Hungary dan Jepun, Dr Mahathir berkata, beliau berharap syarikat Kanada tidak lama lagi akan diwakili dalam MSC.

Apa yang menggembirakan ialah bahawa firma telekomunikasi, Bell Canada, sudah terbabit dalam MSC dengan Pengerusinya, Lynton Wilson menerima pelawaan untuk menyumbang dalam Panel Penasihat Antarabangsa bagi menasihati Malaysia mengenai koridor itu.

(END)